



Kilang baru Dutch Lady di Enstek mesra alam

Oleh **Mohd Zaky Zainuddin** - Julai 11, 2022 @ 10:30am

zaky@bh.com.my



Kilang pengeluaran baharu Dutch Lady Milk Industries Bhd (DLMI)

KUALA LUMPUR: Kilang pengeluaran baharu milik Dutch Lady Milk Industries Bhd (DLMI) di Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan bakal menjadi hab pengeluaran pintar yang akan dipacu oleh piawaian Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Pengarah Urusannya, Ramjeet Kaur Virik, berkata hab tenusu halal membabitkan sebahagian pelaburan RM400 juta itu bakal menggabungkan teknologi tinggi dan hijau, kemampanan dan kecekapan yang dipertingkatkan.

"Inovasi masa depan yang merangkumi utiliti cekap tenaga, pemprosesan sifar kerugian, penggunaan semula air hujan serta kebolehkitaran semula yang dipertingkatkan akan diterapkan menerusi kilang baharu ini.

"Langkah mesra alam ini dijangka mengurangkan jejak karbon sebanyak 20 hingga 25 peratus, seterusnya memacu sokongan untuk tujuh daripada 17 Matlamat

Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya kepada BH.

Ramjeet berkata, proses penambahbaikan perniagaan yang membabitkan pengurangan tenaga kerja tidak dapat dielakkan apabila dunia bergerak ke arah penggunaan teknologi dan ia bukan unik hanya kepada DLMI.

"Ini juga selaras dengan agenda nasional IR 4.0 kerajaan dalam mendorong ke arah ekonomi bernilai tinggi.

"Kami juga percaya ini adalah peluang yang baik untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja manual kami yang bukan sahaja bermanfaat untuk pertumbuhan syarikat, tetapi juga untuk kemahiran kakitangan dalam jangka panjang.

"Kami sentiasa menilai dan mengurus kapasiti dalam untuk pengeluaran optimum pada kos minimum demi untuk memastikan operasi yang mampan untuk jangka panjang," katanya.

Beliau berkata, DLMI akan kekal fokus pada tujuannya dalam 'Menyuburkan Planet dan Insan dari Segenap Lapisan Kehidupan'.

"Untuk mencapai tujuan kami, margin kasar yang sihat adalah penting untuk terus melabur dalam jenama dan kakitangan kami.

"Aset ini akan memacu pembabitan jangka panjang dengan DLMI sebagai majikan pilihan dan terus meningkatkan kadar pengambilan susu di kalangan masyarakat.

"Dengan kos input yang semakin meningkat, kami sentiasa memantau dengan teliti dasar penetapan harga kami dan melaksanakan aktiviti pengurusan pertumbuhan hasil di seluruh organisasi," katanya.

DLMI mencatatkan pendapatan berjumlah RM1.13 bilion tahun lalu, meningkat tiga peratus berbanding 2020, dengan keuntungan sebelum cukai RM284.5 juta.

Prestasi lebih baik itu didorong oleh permintaan kukuh yang berterusan untuk susu dan tumpuan kepada pengurusan pertumbuhan pendapatan syarikat yang menghasilkan perbelanjaan komersial yang berkesan.

Ramjeet berkata, DLMI juga juga telah melengkapkan proses penjualan hartanah iaitu kilang pembuatan di Petaling Jaya yang turut menyumbang kepada jumlah keuntungan yang memberangsangkan.

"Dengan cabaran dihadapi daripada inflasi global yang tidak pernah berlaku sebelum ini selain halangan kos lain yang meningkat akibat gangguan rantai bekalan global berterusan, kami kekal optimis secara berhati-hati," katanya.